

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**  
**KAWASAN : RANTAU PANJANG**  
**TARIKH : 5 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 478**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF [Rantau Panjang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing masuk ke negara kita setakat ini serta jumlah FDI yang menutup operasinya setakat ini daripada tahun 2013 hingga 2017.**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh tahun 2013 sehingga 2016, sebanyak 3,011 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM257.1 bilion telah diluluskan bagi projek perkilangan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM119.5 bilion (47 peratus) merupakan pelaburan asing, manakala RM137.7 bilion (53 peratus) adalah pelaburan domestik.

Bagi syarikat asing yang menutup operasi pula, bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2017, terdapat 49 buah syarikat daripada sektor perkilangan telah menutup operasi mereka di Malaysia. Daripada 49 buah syarikat tersebut:

- enam buah syarikat telah memindahkan operasi mereka ke luar negara; dan
- tiga buah syarikat telah memindahkan operasi mereka ke lokasi lain di Malaysia.